

KANDUNGAN

1	١- الفاعل
13	٢- نائب الفاعل
24	٣- المفعول المطلق
38	٤- الحال
66	٥- حروف الجر
87	٦- الإضافة
94	٧- النعت
108	٨- التوكيد

النحو

NAHU
(STAM)

Fa'il (pelaku)

Definisi *Fa'il* :

Fa'il ialah Kata nama yang disandarkan kepadanya *fe'el* di atas bentuk

[فَعَلٌ] atau seumpama dengan [فَعَلٌ]

Contoh:

- 1) pemimpin itu tidur – berbentuk [فَعَلٌ] yang jelas/nyata.
- 2) Alangkah jauhnya (rahmat Allah) orang yang derhaka – berbentuk seumpama [فَعَلٌ] hampir jelas/nyata.

Hukum *Fa'il* adalah *rafa'*

Huraian definisi:

Maksud “kata nama” :

i) Perkataan yang meliputi dengan jelas sebagai kata nama, contoh: “**Zaid** berdiri”

ii) Perkataan yang **boleh ditakwil** sebagai kata nama, contoh: “Saya rasa kagum dengan **kamu** berdiri”

- Tidak termasuk dalam definisi : “Kata nama yang disandarkan kepada *fe'el*” ialah :

- Kata nama yang disandarkan kepada bukan *fe'el*, contoh: Zaid adalah saudara kamu.
- Kata nama yang disandarkan kepada sesuatu ayat, contoh: Zaid adalah bapanya telah berdiri.
- Kata nama yang disandarkan kepada bentuk seumpama ayat, contoh: Zaid adalah bapanya berdiri / Zaid adalah berdiri.

- Tidak termasuk dalam definisi : “berbentuk – [فَعَلٌ] ialah : Kata nama

yang disandarkan kepada bentuk [فُعِلٌ] iaitu *naib fa'il*,

contoh: “Zaid dipukul”.

Maksud “seumpama *fe'el*” :

i) ***Isim Fa'il*** : “Adakah dua orang Zaid **berdiri**”

ii) ***Sifat Musyabbahah*** : “Zaid wajahnya **cantik**”

الفاعل

تعريف الفاعل وحكمه الإعرابي:

الفاعل هو الاسم المسند إليه فعل على طريقة فَعَلٍ أو شبهه.

نحو: ١- نام القائد - على طريقة فَعَلٍ (صريح)

٢- هيهات العقيق - على شبه الفعل (شبه بالصریح)

حكمه : الرفع

شرح التعريف :

- المراد بـ الاسم : ما يشمل بالصریح نحو : قام زيد

والمؤول بالصریح، نحو : يعجبني أن تقوم (قيامك)

- خرج بـ المسند إليه فعل : ما أسند إليه غيره، نحو : زيد أخوك.

أو جملة ، نحو : زيد قام أبوه / زيد قام

أو ما هو في قوة الجملة، نحو: زيد قائم أبوه / زيد قائم (هو).

- خرج بـ على طريقة فَعَلٌ: ما أسند إليه فعل على طريقة فُعِلٌ (وهو النائب

الفاعل)، نحو ضَرِبَ زيدٌ

- المراد بـ شبه الفعل :

١- اسم الفاعل : أقائم الزيدان

٢- الصفة المشبهة : زيد حسن وجهه.

- iii) **Masdar** : “Saya rasa kagum dengan **pujian** Zaid kepada Umar”
- iv) **Isim Fe’el** : “Alangkah jauhnya (rahmat Allah) orang yang derhaka”
- v) **Zoraf dan Jar, Majrur** : “Zaid ialah bapanya ada **disebelah kamu, di rumah** itu ada 2 budak suruhannya”
- vi) **Af’al Tafdil** : “Saya melintasi bapanya yang paling baik”

Wajib dinyatakan “Pelaku” dan ianya berada selepas “faktor yang merafa’kannya”

* Hukum Fa’il : Ianya berada selepas faktor yang merafa’kannya : iaitu kata kerja atau seumpamanya.
cth: Dua Zaid berdiri / Zaid ialah dua budak suruhannya berdiri / Zaid berdiri

* Tidak boleh fa’il mendahului faktor yang merafa’kannya.

Ayat berikut adalah salah : (زيد قام) / (زيد غلاماه قائم) / (الزيدان قام)
kerana Zaid adalah pelaku (fa’il mendahului faktor yang merafa’kannya), namun sebenarnya ia adalah muftada’ (subjek) dan kata kerja selepasnya adalah faktor yang merafa’kan *domir mustatir*.

Ayat sebenarnya : **Zaid adalah orang yang berdiri itu**. – ini adalah pendapat mazhab Basrah.

* Mazhab Kufah : mengharuskan semua perkara tersebut.

٣- المصدر : عجبْتُ من ضَرْبِ زيدٍ عمراً

٤- اسم الفعل : هيهات العقيقُ

٥- الظرف والجر والمجرور : زيد عندك أبوه في الدار غلاماه

٦- أفعل التفضيل : مررت بالأفضل أبوه.

وجوب ذكر الفاعل، وتأخره عن رافعه

* حكم الفاعل : التأخر عن رافعه: - وهو الفعل أو شبهه -،

نحو : قام الزيدان / زيد قائم غلاماه / قام زيد.

* لا يجوز تقديمه على رافعه؛ فلا تقول: (الزيدان قام) / (زيد غلاماه قائم) / (زيد

قام) على أن يكون زيد فاعلاً مقديماً ، بل على أن يكون مبتدأً، والفعل بعده رافع

لضمير مستتر، والتقدير: زيد قام هو - هذا مذهب البصريين.

* الكوفيون أجازوا التقديم في ذلك كله

* مذهب الكوفيين : زيد قام / الزيدان قام / الزيدون قام

* مذهب البصريين : زيد قام / الزيدان قاما / الزيدون قاموا

Kata kerja dibuang tanda *tathniyah* dan *jamak* apabila disandarkan kepada selain kata tunggal

Apabila kata kerja disandarkan kepada kata nama *muthanna* atau *jamak*, maka wajib dibuang pada kata kerja itu sebarang tanda yang menunjukkan *tahtniyah* atau *jamak*

cth: Dua Zaid berdiri kedua-duanya /
Ramai Zaid berdiri semuanya /
Ramai Hindun berdiri semuanya

* Mazhab Bani al Harith bin Kaab :

Apabila kata kerja disandarkan kepada kata nama *muthanna* atau *jamak*, maka perlu ditambah pada kata kerja itu tanda yang menunjukkan *tahtniyah* atau *jamak*

Buang "kata kerja" dalam ayat sama ada ianya harus atau wajib

1. Harus dibuang kata kerja dalam sesuatu ayat dan mengekalkan pelakunya: apabila ada petunjuk bagi kata kerja tersebut.

cth: Siapakah yang membaca itu? jawabannya: Zaid
(ayat sebenarnya: Yang membaca itu adalah Zaid)

2. Wajib dibuang "kata kerja" dalam sesuatu ayat: kata nama *marfu'* berada selepas perkataan (إِنْ)/(إِذَا) – kata nama ini *marfu'* dengan kata kerja yang dibuang secara wajib.

cth: (إِنْ)

"Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu"

cth: (إِذَا)

"Apabila langit terbelah"

تجريد الفعل من علامة التثنية والجمع إذا أسند لغير الواحد

– إذا أسند الفعل إلى ظاهر مثنى أو مجموع : وجب تجريد الفعل من علامة تدل على التثنية والجمع، نحو: قام الزيدان / قام الزيدون / قامت الهندات – فلا تقول: قاما الزيدان / قاموا الزيدون / قمن الهندات

* ومذهب بني الحارث بن كعب : إذا أسند الفعل إلى ظاهر مثنى أو مجموع أتى فيه بعلامة تدل على التثنية والجمع، نحو: قاما الزيدان / قاموا الزيدون / قمن الهندات

حذف الفعل جوازا أو وجوبا

١ – جواز حذف الفعل وبقاء فاعله : إذا دل دليل على الفعل، كما قيل لك :
نحو: من قرأ؟ فتقول: زيد (والتقدير : قرأ زيد)

٢ – وجوب حذف الفعل : وقع اسم مرفوع بعده "إن"/"إذا"، (فإن الاسم مرفوع بفعل محذوف وجوبا)

– "إن" نحو: وإن أحد من المشركين استجارك
(التقدير : إن استجارك أحد استجارك)

– "إذا" نحو: إذا السماء انشقت
(التقدير : إذا انشقت السماء انشقت)

Ta'nithkan "kata kerja" yang bersama dengan "pelaku muannath"

Apabila disandarkan kata kerja kala lampau kepada pelaku *muannath*, maka perlu disertakan *ta sakinah* yang menunjukkan keadaan pelaku itu adalah *muannath*.

cth: Hindun telah berdiri / Matahari telah terbit

wajib ta'nithkan "pelaku"

Ta ta'nith sakinah perlu ada pada "kata kerja kala lampau" pada dua tempat:

1. Kata kerja itu disandarkan kepada *Domir muannath muttasil*

cth: Hindun telah berdiri / Matahari telah terbit

2. Pelaku berbentuk kata nama ta'nith hakiki

cth : Hindun telah berdiri

Hukum ta'nith "kata kerja" yang berpisah dari pelakunya dengan perkataan bukan (إلا)

Apabila dipisahkan antara "kata kerja" dan "pelaku *muannath hakiki*" dengan perkataan yang bukan (إلا), maka boleh diletakkan ta (pada kata kerja tersebut) atau dibuangkan ta, namun yang lebih tepat adalah diletakkan ta pada kata kerja tersebut.

cth: Bintu Waqif telah datang bertemu qadi

Hukum ta'nith "kata kerja" yang berpisah dari pelakunya dengan perkataan (إلا)

Apabila dipisahkan antara kata kerja dan pelaku *muannath hakiki* dengan perkataan (إلا), maka tidak boleh diletakkan ta (pada kata kerja tersebut)

– mengikut pendapat majoriti ulamak nahu.

cth: Tidak berdiri kecuali Hindun seorang.

تأنيث الفعل مع الفاعل المؤنث:

إذا أسند الفعل الماضي إلى المؤنث - لحقته تاء الساكنة تدل على كون الفاعل مؤنثا .
مثل : قامت هند / طلعت الشمس

وجوب تأنيث الفاعل:

تلزم تاء التأنيث الساكنة الفعل الماضي في موضعين:

١- أن يسند الفعل إلى ضمير مؤنث متصل .

نحو : هند قامت / الشمس طلعت

٢- أن يكون الفاعل ظاهرا حقيقي التأنيث .

نحو : قامت هند

حكم تأنيث الفعل المفصول عن فاعله بغير "إلا":

- إذا فصل بين الفعل وفاعله المؤنث الحقيقي بغير "إلا" جاز إثبات التاء وحذفها، والأجود الإثبات.

نحو : " أتى القاضي بنت الواقف "

حكم تأنيث الفعل المفصول عن فاعله بـ "إلا":

- إذا فصل بين الفعل والفاعل المؤنث بـ "إلا" لم يجز إثبات التاء عند الجمهور

نحو : ما قام إلا هند

Buang ta ta'nith pada "kata kerja" yang bersambung dengan "pelaku muannath"

kadang-kadang dibuang *ta* pada kata kerja yang disandarkan kepada pelaku *muannath hakiki* tanpa ada perkataan yang memisahkan antara keduanya

kata Sibawih : si Fulanah berkata

kadang-kadang dibuang *ta* pada kata kerja yang disandarkan kepada domir *muannath majazi*, ini hanya khas pada syair
cth: ... dan Tidaklah bumi tumbuh

Hukum ta'nith kata kerja yang bersama kata jamak atau (نعم) dan (بئس)

Apabila disandarkan kepada kata jamak :

1. Jika jamak muzakkar salim, maka tidak boleh sertakan kata kerja dengan ta.

cth: Ramai Zaid berdiri

2. Jika jamak taksir muzakkar atau muannath atau jamak muannath salim, maka boleh sertakan kata kerja dengan ta atau buang ta.

cth: Orang-orang lelaki berdiri /
Orang-orang India berdiri /
Ramai Hindun berdiri

3. Perkataan (نعم) dan (بئس), apabila pelakunya adalah muannath, maka boleh letakkan ta (pada kata kerja) atau membuangnya.

cth: Sebaik-baik perempuan adalah Hindun

حذف تاء التانيث من الفعل المتصل بفاعله المؤنث

- قد تحذف التاء من الفعل المسند إلى مؤنث حقيقي من غير فصل.

حكى سيويوه : قال فلانة

- قد تحذف التاء من الفعل المسند إلى ضمير المؤنث المجازي وهو مخصوص بالشعر.

نحو: ولا أرض أبقىل ...

حكم تانيث الفعل مع الجمع أو نعم و بئس

- إذا أسند الفعل إلى جمع :

١. إن كان جمع سلامة لمذكر لم يجر اقتران الفعل بالتاء

نحو: قام الزيدون.

٢. إن كان جمع تكسير لمذكر أو لمؤنث أو جمع سلامة لمؤنث - جاز إثبات التاء

وحذفها، (إثبات التاء لتأوله بالجماعة، وحذفها لتأوله بالجمع)

نحو: قام الرجال / قامت الرجال

قام الهنود / قامت الهنود

قام الهندات / قامت الهندات

٣. يجوز في نعم وأخواتها - إذا كان فاعلها مؤنثا - إثبات التاء وحذفها،

نحو: نعم المرأة هنداً / نعمت المرأة هنداً

Mendahulukan objek berbanding kata kerja dan pelaku dalam sesuatu ayat

* Kedudukan asal pelaku dalam ayat ialah berada selepas kata kerja tanpa dipisahkan oleh sebarang perkataan,

- kerana pelaku adalah sebahagian kata kerja.
- kerana itu juga dibrismatikan huruf akhir kata kerja sekiranya pelaku berbentuk domir (ganti nama)

cth: Saya telah belajar / Awak telah belajar

* Kedudukan asal objek dalam ayat ianya dipisahkan dari kata kerja iaitu ianya berada selepas "pelaku".

Objek ini terdapat dua jenis:

1. Keadaan yang wajib didahulukan, apabila objek itu ialah:

- kata tunjuk, cth: Mana yang kamu pukul itulah yang akan aku pukul
- kata Tanya, cth: manakahlelaki yang kamu pukul.
- *domir minfasil*, sekiranya keadaannya diletak di akhir, maka ia akan bersambung. cth : Akan Dikaulah kami sembah.

2. Keadaan yang harus didahulukan atau diakhirkan,

cth: Zaid memukul Umar /
Umarlah yang dipukul oleh Zaid

Wajib Mendahulukan pelaku berbanding objek dalam sesuatu ayat

Wajib Mendahulukan pelaku berbanding objek dalam sesuatu ayat,

- Jika bimbang kesamaran salah satu daripada keduanya dan tidak ada sebab yang menjelaskan pelaku dan objek
cth: Musa memukul Isa

- Apabila pelaku itu ganti nama yang bukan dikecualikan
cth: Saya memukul Zaid

تقديم المفعول على الفاعل والفاعل

الأصل في الفاعل: أن يلي الفاعل الفعل من غير أن ينفصل بينهما فاصل

السبب: لأن الفاعل كالجاء منه (أن الفاعل من فعله كالكلمة الواحدة)

ولذلك يسكن آخر الفعل إن كان الفاعل من ضمير :

ضمير المتكلم : تعلمتُ / ضمير المخاطب : تعلمتَ

الأصل في المفعول: أن ينفصل من الفعل : بأن يتأخر عن الفاعل.

وهو قسمان:

١. ما يجب تقديمه، إذا كان المفعول :

* اسم الشرط، نحو: أيا تضرب أضرب

* اسم استفهام، نحو: أيّ رجل ضربتَ

* ضمير منفصلا لو تأخر لزم اتصال ، نحو: إيتاك نعبد

٢. ما يجوز تقديمه وتأخيره

نحو: ضرب زيدٌ عمراً / عمراً ضرب زيدٌ

وجوب تقديم الفاعل على المفعول:

١- يجب تقديم الفاعل على المفعول (وجب تأخير المفعول)

- إن خيف التباس أحدهما بالآخر ولم توجد قرينة تبين الفاعل من المفعول،

نحو : ضرب موسى عيسى

- إذا كان الفاعل ضميرا غير محصور

نحو : ضربتُ زيدا

Nahu STAM

2. Boleh meletakkan “objek” di hadapan dan di belakang “pelaku”, apabila terdapat sebab yang menjelaskan antara “pelaku” dan “objek”.

cth: Musa makan buah pea / Buah pea itu dimakan oleh Musa

3. Wajib letakkan “pelaku” di akhir, apabila “pelaku” itu berbentuk domir mahsur

cth: Tidak ada orang yang memukul Zaid kecuali saya

Hukum diakhirkan kedudukan mahsur sama ada ianya pelaku atau objek

Apabila “pelaku” atau “objek” dihadkan dengan perkataan (إِلاّ) atau (إِنّما), maka wajib diletakkan di akhir.

- cth “pelaku” *mahsur* (dihadkan) dengan perkataan (إِنّما):

“Sesungguhnya Umar dipukul oleh Zaid”

- cth “objek” *mahsur* dengan perkataan (إِنّما):

“Sesungguhnya Zaid lah yang memukul Umar”

- cth “pelaku” *mahsur* dengan perkataan (إِلاّ):

Tidak ada orang yang memukul Umar kecuali Zaid

- cth “pelaku” *mahsur* dengan perkataan (إِلاّ) diletakkan di hadapan “objek” :

Tidak ada orang yang memukul Umar kecuali Zaid

- cth “objek” *mahsur* dengan perkataan (إِلاّ) diletakkan di hadapan “pelaku” :

Tidak ada orang yang memukul Umar kecuali Zaid

* *Mahsur* dengan (إِنّما) telah disepakati ianya tidak boleh diletakkan dihadapan.

* ***Mahsur* dengan (إِلاّ) terdapat 3 pendapat:**

1. Mazhab kebanyakan ulamak Basrah, al Fara’ dan Ibnu al Anbari :

- jika mahsur itu “pelaku” maka tidak boleh diletakkan di hadapan:

“Tidak ada orang yang memukul Umar kecuali Zaid”

- jika mahsur itu “objek” maka boleh diletakkan di hadapan: “Tidak ada orang yang memukul Umar kecuali Zaid”

2. Mazhab al Kisai : *Mahsur* dengan perkataan (إِلاّ) boleh diletakkan di hadapan sama ada ianya adalah “pelaku” atau “objek”

3. Mazhab sebahagian ulamak Basrah dan dipilih oleh al Jazuli dan Syalubin : *Mahsur* dengan perkataan (إِلاّ) tidak boleh diletakkan di hadapan sama ada ianya adalah “pelaku” atau “objek”

٢- جاز تقديم المفعول وتأخيره : إذا وجدت قرينة تبين الفاعل من المفعول

نحو : أكل موسى الكمثري / أكل الكمثري موسى

٣- وجب تأخير الفاعل: إذا كان الفاعل ضميرا محصورا

نحو : ما ضرب زيدا إلا أنا

حكم تأخير المحصور فاعلا أو مفعولا

* إذا انحصر الفاعل أو المفعول بـ (إِلاّ) أو بـ (إِنّما) وجب تأخيره

- مثال الفاعل المحصور بـ (إِنّما) : إنما ضرب عمرًا زيدًا

- مثال المفعول المحصور بـ (إِنّما) : إنما ضرب زيدًا عمرًا

- مثال الفاعل المحصور بـ (إِلاّ) : ما ضرب عمرًا إلا زيدًا

- مثال تقدم الفاعل المحصور بـ (إِلاّ) : ما ضرب إلا عمرًا زيدًا

- مثال تقدم المفعول المحصور بـ (إِلاّ) : ما ضرب إلا عمرًا زيدًا

* المحصور بـ (إِنّما) لا خلاف في أنه لا يجوز تقديمه.

* المحصور بـ (إِلاّ) فيه ثلاثة مذاهب:

١. مذهب أكثر البصريين والفراء وابن الأنباري :

- إن كان المحصور بما فاعلا امتنع تقديمه : ما ضرب إلا زيدًا عمرًا

- إن كان المحصور بما مفعولا جاز تقديمه : ما ضرب إلا عمرًا زيدًا

٢. مذهب الكسائي : يجوز تقديم المحصور بـ (إِلاّ): فاعلا كان، أو مفعولا.

٣. مذهب بعض البصريين واختاره الجزولي والشلوبين : لا يجوز تقديم المحصور بـ

(إِلاّ): فاعلا كان، أو مفعولا.

Mendahulukan “objek” yang merangkumi ganti nama bagi “pelaku” yang berada di belakang (objek).

Bahasa Arab tersebar masalah objek yang merangkumi domir yang kembali kepada pelaku yang berada dibelakang

cth: Umar takut kepada tuhananya

Perkara tersebut dibolehkan kerana “pelaku” itu diandaikan berada sebelum “objek” (kerana kedudukan asal “pelaku” adalah bersambung dengan kata kerja sekalipun ianya berada di belakang)

Jarang berlaku ganti nama kepada “objek” berada di hadapan bersama dengan “pelaku” sedangkan “objek” berada di belakang

cth: Cahaya pokok itu menghiasi

Bentuk ayat ini tidak dibenarkan oleh majoriti ulamak nahu, namun Abu Abdullah Tuwal daripada ulamak Kufah, Abu Fatah bin Juni mengatakan perkara ini dibolehkan. Pendapat dua ulamak ini diikuti oleh pengarang kitab Alfiah Ibnu Malik

تقديم المفعول المشتمل على ضمير يعود إلى الفاعل المتأخر

شاع في لسان العرب تقديم المفعول المشتمل على ضمير يعود إلى الفاعل المتأخر
نحو: خاف ربّه عمرُ
(ربّ : مفعول هُ : ضمير يرجع إلى عمر وهو الفاعل)

جاز ذلك (عود الضمير على متأخر لفظاً) لأن الفاعل منوي التقديم على المفعول
(لأن الأصل في الفاعل أن يتصل بالفعل؛ فهو متقدم رتبة وإن تأخر لفظاً)

* شدّ عود الضمير من الفاعل المتقدم على المفعول المتأخر

نحو : زان نوره الشجر
(نور : فاعل هُ : ضمير يرجع إلى الشجر وهو المفعول)

هذه المسألة ممنوعة عند جمهور النحويين، واجاز أبو عبدالله الطوال من الكوفيين
وأبو الفتح بن جني وتابعهما المصنف (ابن مالك).

الإجابة :

تدريبات

س١ . بين مذهب الجمهور في إعراب الأمثلة الآمية :

(أ) نجح الطالبان (ب) نجحوا الطلاب. (ج) نجحن الفتيات .

س٢ . متى يحذف فعل الفاعل جوازا؟ ومتى يحذف وجوبا؟ مثل لما تذكر.

س٣ . ما حكم إثبات تاء التأنيث إذا فصل بين الفعل وفاعله بإلا أو غيرها؟ مثل لما تذكر.

س٤ . متى يجب تقديم المفعول؟ ومتى يجب تقديم الفاعل؟ مثل لما تذكر.

س٥ . ما حكم تقديم الفاعل أو المفعول به إذا حصر بإلا أو إنما؟ وضع إجابتك بالأمثلة .

س٦ . ما حكم عود الضمير من المتقدم على المتأخر والعكس؟ وما صور ذلك بين الفاعل والمفعول؟ وبماذا استشهد من أجاز عود الضمير من الفاعل المتقدم على المفعول؟ مثل لما تذكر.

س٧. عين الفاعل المؤول والفاعل الصريح، وأعرب كلا منهما إعرابا تفصيليا فيما يأتي:

(أ) قال تعالى: أَوْلَمْ يَكْفِهِمْ أَنَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ

(ب) قال تعالى: أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ

(ج) يسرني أن يفهم الطالب النحو فهما جيدا.

س٨. بين حكم تأنيث الفعل أو عدم تأنيثه في الآيات التالية مع التوجيه :

(أ) ﴿وَقَالَتْ نَمْلَةٌ﴾

(ب) ﴿إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ﴾

(ج) ﴿إِذَا جَاءَكَ الْمُنْفِقُونَ﴾

(د) ﴿إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعُنَّكَ﴾

(هـ) ﴿وَقَالَ نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ تُرَاوِدُ فَتْنَهَا﴾

(و) ﴿مَا الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ﴾

(ز) ﴿لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا﴾

س ٩ . بين المقدم وجوبا والمقدم جوازا من الفاعل أو المفعول فيما يأتي:

(أ) ﴿لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ﴾

(ب) ﴿إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ﴾

(ج) ﴿فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ﴾

(د) ﴿قُلْ أَتَعْلَمُونَ اللَّهَ بِدِينِكُمْ﴾

(هـ) ﴿إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ﴾

(و) ﴿وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ﴾

(ز) ﴿وَإِذْ أَبْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبَّهُ بِكَلِمَاتٍ﴾

(ح) ضرب محمدا علي

(ط) ضرب موسى عيسى

س ١٠ - وشاع نحو خاف ربه عمر *** وشذ نحو زان نوره الشجر

لم حكم ابن مالك على المثال الأول بالشيوع، وعلى الثاني بالشذوذ في بيته

السابق؟

ومن أيهما قول الشاعر:

ولو أن مجدا أخلد الدهر واحدا *** من الناس أبقى مجده الدهر مطعما

س ١١ - قال الشاعر:

تولى قتال المارقين بنفسه *** وقد أسلماه مبعد وحميم

يقال: إن هذا البيت أتي موافقا للغة من لغات العرب وضح ذلك، وما الصورة التي يأتي عليها لو جرى على لغة الجمهور؟

س ١٢. أعرب قوله تعالى:

(أ) وقان أد من الشركين اشتجارك

(ب) إذا السماء أنشقت

س ١٣. قال الشاعر

كسا حلمه ذا الحلم أنواب سؤدد *** ورقى نداءه ذا الندى في ذرا المجد

عين الفعلين الواردين في البيت السابق، وبين حكم فاعلهما من حيث التقديم والتأخير معلا لما تقول.

س ١٤. (أ) يسرني أن تذهب إلى المعهد مبكرا.

(ب) يسرني إلقاءك الأخبار في إذاعة معهدك.

حدد الفاعل المؤول والفاعل الصريح في المثالين السابقين، ثم اجعل المؤول

صريحا والصريح مؤولا.

NAIB FA'IL (PENGGANTI "PELAKU")

Hukum Naib Fa'il

- **Fa'il** (Pelaku) boleh dibuang dalam sesuatu ayat, kedudukannya diganti dengan *maf'ul bih* (objek). kemudian diberikan kepada *maf'ul bih* semua hukum *Fa'il* iaitu ianya perlu diakhirkan daripada faktor yang merafa'kannya dan tidak boleh dibuang.

contoh: Telah diperolehi hasil yang lebih baik

* Perkataan (خَيْرِ نَائِلٍ) adalah *maf'ul bih* yang menggantikan tempat *fa'il*

* Ayat lengkap : Zaid telah memperolehi hasil yang lebih baik

(زيد) Fa'il yang dibuang, (خَيْرِ نَائِلٍ) *maf'ul bih* yang menggantikan tempat *fa'il*

- Naib fa'il tidak boleh diawalkan kedudukannya seperti : Hasil yang lebih baik telah diperolehi

* sebagai *maf'ul bih* yang diawalkan kedudukannya

* tetapi ayat di atas adalah terdiri daripada *mubtada'* (subjek) manakala *khbar* (prediket)nya ialah () dan *maf'ul bih* yang menggantikan tempat *fa'il* berupa *domir mustatir* (ganti nama)

Ayat lengkap : Hasil yang lebih baik itu dia telah diperolehi

Begitu juga tidak boleh dibuang (خَيْرِ نَائِلٍ) dan ayat itu hanya ada (نَيْلٍ) sahaja.

Perubahan yang berlaku pada fe'el (kata kerja) yang tidak ada fa'il (pelakunya)

1. Apabila *fe'el* yang tidak disebut *fa'il*nya

- Dibaris hadapankan huruf pertama *fe'el* sama ada *fe'el madhi* atau *mudhori'*
- Dibaris bawahkan huruf sebelum akhir *fe'el madhi*: (وُصِّلَ) telah sampai
- Dibaris ataskan huruf sebelum akhir *fe'el mudhori'* (يُنْتَجِي) terlipat

(٢) نَائِبِ الْفَاعِلِ

أحكام نائِبِ الْفَاعِلِ

- يحذف الفاعل ويقام المفعول به مقامه، فيعطى ما كان للفاعل: من لزوم التأخر عن رافعه، وعدم جواز حذفه،

نحو: نيل خير نائل،

* (خير نائل): مفعول قائم مقام الفاعل،

* الاصل: نال زيد خير نائل، فحذف الفاعل (زيد)، وأقيم المفعول به (خير نائل) مقامه

- لا يجوز تقديمه، نحو: خير نائل نيل،

على أن يكون مفعولا مقديما، بل على أن يكون مبتدأ، وخبره الجملة التي بعده : وهي (نيل)، والمفعول القائم مقام الفاعل ضمير مستتر والتقدير: نيل هو،

- وكذلك لا يجوز حذف (خير نائل) ، نحو: نيل.

التغيير التي تطرأ على ما لم يسم فاعله

١- إذا كان الفعل الذي لم يسم فاعله:

- يضم أول الفعل الذي لم يسم فاعله مطلقا: سواء كان ماضيا أو مضارعا

- ويكسر ما قبل آخر الماضي : وَصَلَ (وَصِلَ)

- ويفتح ما قبل آخر المضارع : يَنْتَجِي (يُنْتَجِي)

Bentuk *fe'el majhul* (yang bermula dengan ta mutawa'ah atau hamzah wasal)

Apabila *fe'el majhul* itu dimulakan dengan:

- 1- Huruf ta mutowa'ah: huruf pertama dan kedua baris hadapan,
cth: (تُدْخِرُ) digolek, (تُكْسِرُ) dipecah, (تُعْوِفُ) dilupa
- 2- Huruf hamzah wasal: huruf pertama dan ketiga baris hadapan
cth: (اسْتَحْلَى) dimaniskan, (اقتَدِرَ) diberi kuasa, (انطلقَ) dibawa pergi

Bentuk *fe'el majhul mu'tal ain* (huruf ketiganya adalah huruf illat: alif, wau, ya)

apabila *feel majhul* tiga huruf yang mu'tal ain: ada tiga bentuk bacaan pada huruf pertamanya:

1. Baris bawah
cth: (قِيلَ) dikatakan, (بِيعَ) dijual
2. baris hadapan
cth: (قَوْلَ) dikatakan, (بُوعَ) dijual – ini ialah dialek bani Dabir dan bani Faq'as yang mana kedua-duanya adalah tokoh-tokoh bahasa bani Asad.
3. **isymam** : bacaan antara baris hadapan dan bawah, ianya tidak Nampak kecuali ketika menyebutnya
Ada bacaan dalam qiraat tujuh :
Dan difirmankan: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit (hujan) berhentilah," dan airpun disurutkan,

** dibaca isymam perkataan (قِيلَ) dan (غِيضَ)

بناء الفعل المفتوح بناء المطاوعة أو همزة الوصل للمفعول

إذا كان الفعل المبني للمفعول مفتوحا :

- ۱- بناء المطاوعة : ضم أوله وثانيه، مثل : تَدْخِرُ (تُدْخِرُ) وَتُكْسِرُ (تُكْسِرُ) وَتُعْوِفُ (تُعْوِفُ)
- ۲- همزة الوصل : ضم أوله وثالثه، مثل : اسْتَحْلَى (اسْتَحْلَى) و اِقْتَدَرَ (اِقْتَدَرَ) و انْطَلَقَ (انْطَلَقَ)

بناء الفعل الثلاثي المعتل العين للمفعول

إذا كان الفعل المبني للمفعول ثلاثيا معتل العين، فقد سُمِعَ في فائه : ثلاثة أوجه :

- (۱) إخلاص الكسر، نحو : قَالَ (قِيلَ) ، بَاعَ (بِيعَ)
 - (۲) إخلاص الضم، نحو : قَالَ (قَوْلَ) ، بَاعَ (بُوعَ) وهي لغة بني دَبِيرَ وَبَنِي فُقْعَسَ وهما من فُصْحَاءِ بَنِي أَسَدِ.
 - (۳) الإشمام - هو الإتيانُ بالفاء بحركة بين الضم والكسر - ولا يظهر ذلك إلا في اللفظ، ولا يظهر في الخط.
- قد قرئ في السبعة قوله تعالى : وَقِيلَ يَتَّارِضُ أَبْلَعِي مَاءَكَ وَيَسْمَأُ أَقْلَعِي وَغِيضَ الْمَاءِ ﴿٤٤﴾ سورة هود : ٤٤

** بالإشمام في (قِيلَ) و (غِيضَ)

Hukum baris huruf pertama bagi *fe'el thulathi* (kata kerja 3 huruf) *mu'tal* yang bersambung dengan domir (ganti nama)

Apabila disandarkan *fe'el* tiga huruf yang *mu'tal ain* – selepas berbentuk majhul (dibuang *fa'il*) -kepada ganti nama diri pertama / kedua / ketiga

** Sama ada huruf wau : (سوم) asalnya adalah (سوم)

- maka wajib baris bawah huruf pertama atau baca dengan isymam : (سُمْتُ)

- tidak boleh baris depan (سُمْتُ) supaya tidak menimbulkan kesamaran dengan *fe'el* yang mempunyai *fa'il* kerana ianya berbaris depan sahaja.

cth: (سُمْتُ العبد) aku telah menawar harga hamba itu

** Atau huruf ya : (باع) asalnya adalah (بيع)

- maka wajib baris hadapan huruf pertama atau baca dengan isymam : (بُعْتُ)

- tidak boleh baris bawah (بُعْتُ) supaya tidak menimbulkan kesamaran dengan *fe'el* yang mempunyai *fa'il* kerana ianya berbaris bawah sahaja.

cth: (بُعْتُ الثوب) aku telah menjual pakaian

Apabila *feel madhi* tiga huruf yang *muda'af*,

- boleh baris hadapan, bawah dan isymam [hukumnya seperti perkataan (باع)]

contoh: (حَبَّ) – boleh dibaca dengan (حُبَّ) atau (حِبَّ)

(مَرَّ) – boleh dibaca dengan (مُرَّ) atau (مِرَّ)

حكم حركة فاء الثلاثي المعتل العين المسند إلى الضمير

إذا أسند الفعل الثلاثي المعتل العين – بعد بنائه للمفعول – إلى ضمير المتكلم / المخاطب / الغائب:

** إما واوياً، نحو : (سام) من السوم : سُمْتُ

- وجب كسر الفاء أو الإشمام : سِمْتُ

لا يجوز الضم (سُمْتُ) – لئلا يلتبس بفعل الفاعل فإنه بالضم فقط:
سُمْتُ العبد

** أما يائياً، نحو : (باع) من البيع : بعْتُ

- وجب ضم الفاء أو الإشمام : بُعْتُ

لا يجوز الكسر (بُعْتُ) – لئلا يلتبس بفعل الفاعل فإنه بالكسر فقط: بُعْتُ الثوب

إذا كان الفعل الثلاثي لماضي المضعف

يجوز الضم والكسر والإشمام (حكمه مثل "باع")

نحو : حَبَّ – حُبَّ و حِبَّ

مَرَّ – مُرَّ و مِرَّ

Baris sebelum huruf kedua bagi wazan (افتعل) dan (انفعل) yangmana kedua-duanya mu'tal ain ketika berbentuk *fe'el majhul*

- Apabila feel tiga huruf mu'tal ain atas wazan (افتعل) atau (انفعل),

** hukumnya sama seperti huruf pertama perkataan (با ع) – iaitu huruf (ت) dan (ق) boleh dibaca tiga bentuk:

- 1- boleh baris hadapan : (انفُود), (اخْتُور)
- 2- boleh baris bawah : (انْقِيد), (اخْتِير)
- 3- huruf hamzh dibaca seperti baris huruf : (ت), (ق)

Perkara yang boleh menggantikan *fa'il* (pelaku) ketika ketiadaan *maf'ul bih* (objek)

- Apabila tidak ada *maf'ul bih* (objek) dalam ayat itu maka zarf, masdar atau jar majrur boleh mengganti tempat *fa'il* (pelaku).

- Syaratnya: semua perkara ini tersebut hendaklah boleh menggantikan *fa'il* (pelaku)

contoh :

- “Hari Jumaat dilakukan perjalanan”
- “Pukulan yang kuat dilakukan”
- “Zaid dilalui (di hadapannya)”

** Tidak termasuk perkara ini (قابلا للنبيابة) – ialah perkataan yang tidak boleh menggantikan *fa'il* (pelaku) :

- 1- Zoraf : yang tidak boleh tasrif (perkataan yang nasab sebagai zoraf)
cth: (عندك), (سَحَرَ)
- 2- Masdar yang tidak boleh tasrif
cth : (مَعَادًا)

حركة ما قبل عين "افتعل" و "انفعل" معتلي العين عند بنائهما للمفعول

- إذا كان الفعل الثلاثي المعتل العين على وزن "افتعل" أو "انفعل"

** يجوز الضم والكسر والإشمام (حكمه : مثل "الفاء" من باع)

- (التاء) و (القاف) ثلاثة أوجه:

نحو : (التاء) اختار / (القاف) انقاد

١- الضم : اخْتُور انقُود

٢- الكسر : اخْتِير انقِيد

٣- تحرك الهزمة بمثل حركة التاء والقاف

ما ينوب عن الفاعل عند عدم وجود المفعول به

- إذا لم يوجد في الكلام مفعول به، أقيم الظرف أو المصدر أو الجار والمجرور مقامه؛

- شرط في كل واحد منها: أن يكون قابلاً للنبيابة أي صالحاً لها

نحو : (١) سِيرَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ،

(٢) ضُرِبَ ضَرْبٌ شَدِيدٌ ،

(٣) مُرَّ بِزَيْدٍ

** احترز بذلك - ما لا يصح للنبيابة :

(١) الظرف الذي لا يتصرف (أي ما لم ينصب على الظرفية) ، نحو : (سَحَرَ) و

(عندك)، فلا تقول : رَكِبَ سَحْرُ / جَلَسَ عِنْدَكَ / سِيرَ وَفَتْ

(٢) المصادر : التي لا تتصرف، نحو: (مَعَادًا اللهُ)، فلا يجوز الرفع (مَعَادًا اللهُ)

- 3- Zoraf, masdar dan Jar majrur yang tidak memberi apa-apa maksud
cth: (جَلِسَ فِي دَارٍ), (ضَرَبَ ضَرْبًا), (سِيرَ وَقْتًا)

Antara syarat *Jar* dan *majrur* boleh menggantikan *fa'il* :

- 1- ianya mempunyai maksud tertentu (Menjadi sifat, dengan idhofat, Menjadi kata nama khas, Menentukan bilangan – supaya hilang kesamaran.
- 2- Jar itu tidak dalam satu bentuk sahaja, seperti (مذ), (منذ) “semenjak” dan (حروف القسم) “kata sumpah”
- 3- ianya tidak menunjukkan maksud “kerana” seperti (ل), (ب) dan (من)

(٣) ما لا فائدة فيه من الظرف و المصدر و الجار والمجرور،
نحو : سِيرَ وَقْتًا، ضَرَبَ ضَرْبًا، جَلِسَ فِي دَارٍ.

¹ من شروط نيابة الجار والمجرور:

- ١- أن يكون مختصا بوصف أو إضافة أو علمية أو لبيان العدد – ليتعد عن الإبهام
- ٢- ألا يلزم الجار طريقة واحدة، ك (مذ و منذ) و ك (حروف القسم)
- ٣- ألا يدل على التعليل كاللام، والباء، ومن

Meletakkan selain maf'ul bih di tempat fa'il sedangkan maf'ul bih masih ada

1) Mazhab Basrah – kecuali al Akhfasy – mengatakan: Apabila terdapat selepas *fe'el* yang tidak ada *fa'ilnya* : maf'ul bih, masdar, zoraf serta *jar* dan *majrur*, maka ditetapkan maf'ul bih di tempat *fa'il*

contoh:

Zaid dipukul dengan pukulan yang kuat pada hari Jumaat di hadapan raja di dalam rumahnya sendiri.

- Tidak boleh meletakkan selain *maf'ul bih* di tempat *fa'il* sedangkan *maf'ul bih* masih ada. Jika perkara ini berlaku ia adalah jarang digunakan ataupun ianya *muawal* (boleh diandaikan dengan ayat yang tersirat)

2) Mazhab Kufah mengatakan: Boleh meletakkan selain *maf'ul bih* di tempat *fa'il* walaupun *maf'ul bih* masih ada, sama ada diletak di hadapan *fa'il* atau di belakang *fa'il*.

contoh: "Pukulan yang kuat dilakukan kepada Zaid"

"Zaid dipukul dengan pukulan yang kuat"

** Ini berdasarkan qiraat Abu Ja'far :

maksudnya : "Karena dia akan membalas sesuatu kaum terhadap apa yang telah mereka kerjakan".

Seorang penyair berkata:

Tidak mengambil berat tentang kemuliaan kecuali orang yang mulia *** Tidak menyembuhkan orang yang melampaui batas kecuali orang yang mendapat petunjuk.

3) Mazhab al Akhfasy mengatakan : Apabila selain maf'ul mendahuluinya, maka bolehlah antara keduanya menggantikan *fa'il*.

contoh: "Zaid dipukul di dalam rumah"

"Di rumah itu Zaid dipukul".

- Jika selain maf'ul mendahuluinya, maka ditetapkan maf'ul bih menggantikan *fa'il*.

contoh: "Zaid dipukul di dalam rumah"

إقامة غير المفعول به مقام الفاعل مع وجود المفعول به

١) مذهب البصريين - إلا الأخفش - أنه إذا وجد بعد الفعل المبني لما لم يُسَمَّ فاعله: مفعول به، ومصدر، وظرف، وجار ومجرور، تعين إقامة المفعول به مقام الفاعل؛

نحو: ضُربَ زيدٌ ضرباً شديداً يوم الجمعة أمام الأمير في داره،

- لا يجوز إقامة غيره مقامه مع وجوده، وما ورد من ذلك شاذ أو مؤول.

٢) مذهب الكوفيين أنه يجوز إقامة غيره وهو موجود: تقدم، أو تأخر؛

نحو: ضُربَ ضربٌ شديداً زيداً، وضُربَ زيداً ضربٌ شديداً

** استدلوا لذلك بقراءة أبي جعفر: لِيَجْزِيَ قَوْمًا بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

سورة الجاثية: ١٤

وقول الشاعر:

لم يُعَنَّ بالعلياء إلا سيديا *** ولا شفى ذا التي إلا ذو هدى

٣) مذهب الأخفش: أنه إذا تقدم غير المفعول به عليه جاز إقامة كل منهما؛

نحو: ضُربَ في الدار زيداً، و ضُربَ في الدار زيداً،

- وإن لم يتقدم تعين إقامة المفعول به،

نحو: ضُربَ زيدٌ في الدار؛ فلا يجوز: ضُربَ زيداً في الدار.

Naib fa'il (pengganti pelaku) adalah perkataan daripada bab (أعطى)

Apabila *fe'el muta'addi* (kata kerja transitif) kepada dua *maf'ul* (objek) berbentuk kata kerja yang tidak ada pelakunya:

* Bab (أعطى) – Setiap *fe'el muta'addi* (kata kerja transitif) kepada dua *maf'ul* (objek), asal kedua-duanya bukan *mubtada'* (subjek) dan *khobar* (prediket)

* Bab (ظن) – Setiap *fe'el muta'addi* (kata kerja transitif) kepada dua *maf'ul* (objek), asal kedua-duanya adalah *mubtada'* (subjek) dan *khobar* (prediket)

- jika ianya bab (أعطى) maka perkataan *maf'ul* pertama daripada kedua-duanya boleh menggantikan *fa'il*, begitu juga perkataan *maf'ul* kedua – ini mengikut sepakat kata ulamak nahu.

contoh: Zaid dipakaikan jubah (pakaian labuh)
Umar diberikan dirham (matawang)

- Ini dibenarkan sekiranya tidak menimbulkan kesamaran dengan menggantikan *maf'ul* kedua pada tempat *fa'il*. Sekiranya menimbulkan kesamaran maka wajib menggantikan *maf'ul* pertama di tempat *fa'il*.

contoh: "Saya berikan Zaid kepada Umar" - maka wajib menggantikan *maf'ul* pertama di tempat *fa'il* – "Amar telah diberikan kepada Zaid".

- tidak boleh menggantikan *maf'ul* kedua pada tempat *fa'il* dalam keadaan tersebut, supaya tidak menimbulkan kesamaran kerana kedua-duanya boleh dijadikan pelakunya, berbeza dengan contoh pertama tadi.

- Pengarang (Ibnu Malik) telah menukilkan adanya kata sepakat semua ahli Nahu bahawa perkataan *maf'ul* kedua boleh menggantikan *fa'il* apabila tida berlaku kesamaran maksud ayat.

* Kata-kata Ibnu Malik "adanya kata sepakat semua ahli Nahu dalam masalah ini" ianya kurang tepat, kerana mazhab Kufah mengatakan *maf'ul* pertama itu adalah bentuk ma'rifah manakala *maf'ul* kedua pula berbentuk nakirah, maka ditetapkan *maf'ul* pertama yang menggantikan *fa'il*.

contoh: "Zaid diberikan dirham"

- Pada pendapat mereka : Perkataan *maf'ul* kedua tidak boleh menggantikan *fa'il*,

contoh: "Dirham diberikan Zaid"

النائب عن الفاعل في باب أعطى

إذا بني الفعل المتعدي إلى المفعولين لما لم يُسَمَّ فاعله:

فإما أن يكون :

* من باب (أعطى) – كل فعل تعدى إلى مفعولين، ليس أصلهما المبتدأ والخبر

* من باب (ظن). – كل فعل تعدى إلى مفعولين، أصلهما المبتدأ والخبر

– إن كان من باب (أعطى) – أنه يجوز إقامة الأول منهما، وكذلك الثاني

بالاتفاق؛ نحو: كُسي زيدٌ جُبَّةً، وأُعطيَ عمروُ درهماً،

– وإن شئت أقيمت الثاني؛

نحو: أُعطيَ عمراً درهماً، وكُسيَ زيداً جُبَّةً.

– هذا إن لم يحصل لبسٌ بإقامة الثاني: فإذا حصل لبسٌ وجب إقامة الأول،

وذلك نحو: أُعطيْتُ زيدا عمرا، فتعين إقامة الأول، فتقول: أُعطيَ زيدٌ عمرا،

– لا يجوز إقامة الثاني حينئذ، لئلا يحصل لبسٌ؛ لأن كل واحد منهما يصلح أن

يكون آخذاً، بخلاف الأول.

– نقل المصنف الاتفاق على أن الثاني من هذا الباب يجوز إقامته عند أمن

اللبس،

* فإن عني به أنه اتفاق من جهة النحويين كلهم فليس بجيد؛ لأن مذهب

الكوفيين أنه إذا كان الأول معرفة والثاني نكرة – تعين إقامة الأول؛

نحو: أُعطيَ زيدٌ درهماً،

– لا يجوز عندهم إقامة الثاني؛ فلا تقول: أُعطيَ درهماً زيدا.

Naib fa'il (pengganti pelaku) adalah perkataan daripada bab (ظَنَّ)

- Apabila *fe'el muta'addi* (kata kerja transitif) kepada dua *maf'ul* (objek) yang mana *maf'ul* kedua itu adalah khabar pada ayat asalnya seperti (ظَنَّ) dan sejenisnya, **atau**

fe'el muta'addi (kata kerja transitif) kepada tiga *maf'ul* seperti (أرى) dan sejenisnya : Pendapat yang terkenal di kalangan ahli Nahu ialah wajib menjadikan *maf'ul* pertama menggantikan *fa'il* dan ditegah menjadikan *maf'ul* kedua menggantikan *fa'il* dalam bab (ظَنَّ), *maf'ul* kedua dan *maf'ul* ketiga dalam bab (أعلم).

Contoh: 1- Zaid disangkakan berdiri.

2- Zaid diberitahu tentang kuda kamu berpelana

- Ibnu Abu Rabi' telah menukulkan ahli Nahu sepakat menegah menjadikan *maf'ul* ketiga menggantikan *fa'il*. Ibnu Malik juga telah menukulkan kesepakatan ahli Nahu tersebut.

- Sebahagian ahli Nahu – termasuklah pengarang (Ibnu Malik) – berpendapat menjadikan *maf'ul* pertama menggantikan *fa'il* tidaklah menjadi kemestian sama ada dalam bab (ظَنَّ) atau bab (أعلم), tetapi dengan syarat ianya tidak menimbulkan kesamaran maksud ayat.

- Menjadikan *maf'ul* ketiga menggantikan *fa'il* dalam bab (أعلم), Ibnu Abu Rabi' dan anak pengarang buku ini menukulkan bahawa ahli Nahu sepakat menegah perkara tersebut. Namun yang sebenarnya bukanlah seperti sangkaan tersebut kerana sebahagian ahli Nahu menukulkan ada perselisihan pendapat tentang perkara tersebut.

Sekiranya ada kesamaran maksud ayat, maka *maf'ul* pertama dalam bab (ظَنَّ) atau bab (أعلم), ditetapkan untuk menggantikan *fa'il*

النائب عن الفاعل في باب ظن

- إذا كان الفعل متعديا إلى مفعولين الثاني منهما خبر في الأصل كظن وأخواتها، أو كان متعديا إلى ثلاثه مفاعيل ك (أرى) وأخواتها، فالأشهر عند النحويين أنه يجب إقامة الأول، ويمتنع إقامة الثاني في باب (ظَنَّ) والثاني والثالث في باب (أعلم)؛

نحو : ظُنَّ زيدٌ قائمًا، - و لا يجوز: ظُنَّ زيدًا قائمًا،

نحو: أُعْلِمَ زيدٌ فرَسَكَ مُسْرَجًا،

- لا يجوز إقامة الثاني: أُعْلِمَ زيدًا فرَسَكَ مُسْرَجًا،

- لا يجوز إقامة الثالث: أُعْلِمَ زيدًا فرَسَكَ مُسْرَجًا.

- نقل ابن أبي الربيع الاتفاق على منع إقامة الثالث، ونقل الاتفاق أيضا ابن المصنف.

- ذهب قوم - منهم المصنف - إلى أنه لا يتعين إقامة الأول لا في باب (ظن)

ولا في باب (أعلم)، لكن يشترط ألا يحصل لبس؛

نحو : ظُنَّ زيدًا قائمًا، وأُعْلِمَ زيدًا فرَسَكَ مُسْرَجًا.

وأما إقامة الثالث من باب أعلم: فنقل ابن أبي الربيع وابن المصنف الاتفاق على

منعه، وليس كما زعموا؛ فقد نقل غيرها الخلاف في ذلك؛

نحو: أُعْلِمَ زيدًا فرَسَكَ مُسْرَجًا.

فلو حصل لبسٌ تَعَيَّنَ إقامة الأول في باب: ظن وأعلم، فلا تقول : ظُنَّ زيدًا

عمرًا، على أن (عمرًا) هو المفعول الثاني، ولا أُعْلِمَ زيدًا خالدًا منطلقًا.

Naib Fa'il hanyalah satu (dalam sesuatu ayat)

Hukum *maf'ul* yang menggantikan *fa'il* adalah sama dengan hukum *fa'il*, Sebagaimana *fe'el* hanya merafa'kan satu *fa'il* sahaja begitu jugalah *fe'el* hanya merafa'kan satu *maf'ul* sahaja

Sekiranya *fe'el* itu mempunyai dua *ma'mul* atau lebih, maka salah satu daripadanya yang menggantikan *fa'il* dan yang lain dinasabkan.

contoh:

1. "Dirham diberikan Zaid"
2. "Zaid diberitahu tentang umar berdiri"
3. "Zaid dipukul dengan pukulan yang kuat pada hari Jumaat di hadapan raja dalam rumahnya sendiri"

النائب عن الفاعل لا يكون إلا واحدا

- حكم المفعول القائم مقام الفاعل حكم الفاعل؛ فكما أنه لا يرفع الفعل إلا فاعلا واحدا، كذلك لا يرفع الفعل إلا مفعولا واحدا؛

- لو كان للفعل معمولان فأكثر أقيمت واحداً منها مقام الفاعل ونصبت الباقي؛

نحو : (١) أُعْطِيَ زَيْدٌ دَرَهْمًا،

(٢) أُعْلِمَ زَيْدٌ عَمْرًا قَائِمًا،

(٣) ضُرِبَ زَيْدٌ ضَرْبًا شَدِيدًا يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَمَامَ الْأَمِيرِ فِي دَارِهِ.

س٨) بين فيما يأتي الفاعل ونائبه، ونوع النائب، وأعرّب ما تحته خط :
(أ) يقال في الأمثال: أعط القوس باريها، وأُسْكِنَ الدار بانيها
(ب) قيل في الحكم: الكريم يعفو إذا استعطف، واللّيم يقسو إذا لوطف

س٩) حول الأفعال الآتية إلى صيغة المجهول، وضعها في عبارات من إنشائك :
(رأى - استقام - يقاوم - لام - يرد - ابيض - استغنى - يضم)

١٠) حول الأفعال في العبارات الآتية إلى صيغة المبني للمعلوم واذكر الفاعل
المناسب لكل فعل :

- (أ) صيم رمضان
(ب) استقبل شهر رمضان.
(ج) حيل بينهم وبين السوء

Maf'ul mutlaq

Pengertian Maf'ul mutlaq

Fe'el: menunjukkan dua perkara : perbuatan dan masa

contoh:

(قام) – menunjukkan berdiri itu berlaku pada masa lampau

(يقوم) – menunjukkan berdiri itu berlaku pada masa sekarang atau akan datang

(قم) – menunjukkan berdiri itu berlaku pada masa akan datang

(القيام) – peristiwa (keadaan berdiri). Ia adalah salah satu daripada dua unsur pengertian fe'el

Masdar : tidak mempunyai masa tertentu yang merupakan antara makna fe'el seolah-olah masdar itu kata nama bagi perbuatan.

contoh:

(أَمِنَ) keamanan – adalah salah satu dari maksud fe'el (أَمِنَ) telah aman

Pengertian maf'ul mutlaq

Masdar yang dinasabkan untuk menguatkan makna amilnya, menjelaskan jenis amilnya atau bilangannya

contoh :

Saya memukul dengan satu pukulan – (Menguatkan makna amilnya)

Saya berjalan seperti berjalannya Zaid – (Menjelaskan jenis amilnya)

Saya memukul dengan dua pukulan – (Menjelaskan bilangan amilnya)

Dinamakan maf'ul mutlaq kerana maksudnya menepati dengan maf'ul tanpa terikat dengan harf jar dan seumpamanya. Berbeza dengan bentuk maf'ul-maf'ul lain kerana ia perlu dalam keadaan *muqayyad* (terikat dengan harf jar dan seumpamanya).

(۳) المفعول المطلق

تعريفه

المفعول : ما يدل على شيئين : الحدث ، الزمان .

نحو : قام : يدل على قيام في زمان ماضي

يقوم : يدل على قيام في الحال أو الإستقبال

قُم : يدل على قيام في الإستقبال

القيام : هو الحدث – وهو أحد مدلولي الفعل – و هو المصدر

المصدر : ما يدل على الحدث فقط (ما سوى الزمان من مدلولي الفعل)

فكأنه قال : المصدر اسم الحدث

نحو : أَمِنَ – أحد مدلولي (أَمِنَ)

المفعول المطلق هو : المصدر المنتصب توكيدا لعامله أو بيانا لنوعه أو عدده

نحو : ضربتُ ضربا – توكيدا لعامله / مؤكّد للفعل

سرتُ سيرَ زيد – بيانا لنوعه / مبين للنوع

ضربتُ ضربتين – بيانا لعدده / مبين للعدد

* سمي مفعولا مطلقا لصدق المفعول عليه غير مقيد بحرف جر ونحوه.

Nahu STAM

'Amil pada Maf'ul mutlaq dan pendapat ulamak tentang asal masdar

Masdar (kata terbitan) boleh dinashabkan dengan **'amil (masdar) yang seumpamanya**

contoh:

"Saya merasa kagum terhadap pukulanmu terhadap Zaid dengan pukulan yang kuat"

atau **masdar** boleh dinashabkan dengan **fi'il**

contoh:

"Saya telah memukul Zaid dengan pukulan yang sesungguhnya"

atau boleh dinasabkan dengan **wasf**,

contoh:

"Aku orang yang memukul Zaid dengan pukulan yang sebenar"

Pendapat ulamak Bashrah: *Masdar* adalah asal perkataan, manakala *fi'il* (kata kerja) dan *washf* (kata sifat) berasal daripadanya.

Inilah yang dimaksud dengan ungkapan: (وكونه أصلا لهذين انتخب)

Pendapat yang terpilih ialah *masdar* adalah asal perkataan bagi kedua-dua perkara ini iaitu *fi'il* (kata kerja) dan *wasf* (kata sifat).

Pendapat ulamak Kufah: *fi'il* adalah asal perkataan, sedangkan *masdar* berasal dari *fi'il*.

Segolongan ulama nahwu berpendapat : *masdar* adalah bentuk asal perkataan, dan *fi'il* berasal dari *masdar*, sedangkan *wasf* berasal dari *fi'il*.

Ibnu Thalhaf berpendapat : *masdar* dan *fi'il* masing-masing mempunyai bentuk asal perkataan secara tersendiri; salah satu daripadanya bukanlah merupakan musytaq (berasal) dari yang lainnya.

العامل في المفعول المطلق ومذاهب العلماء في أصل المصدر

ينتصب المصدر بمثله، أي بالمصدر،

نحو: عَجِبْتُ مِنْ ضَرْبِكَ زَيْدًا ضَرْبًا شَدِيدًا.

أو بالفعل، نحو: ضَرَبْتُ زَيْدًا ضَرْبًا.

أو بالوصف، نحو: أَنَا ضَارِبٌ زَيْدًا ضَرْبًا.

مذهب البصريين: أن المصدر أصل، والفعل والوصف مشتقان منه

وهذا معنى قوله: (وكونه أصلا لهذين انتخب)، أي: المختار أن المصدر أصل

لهذين، أي الفعل، والوصف.

مذهب الكوفيين: أن الفعل أصل، والمصدر مشتق منه.

ذهب قوم إلى أن المصدر أصل، والفعل مشتق منه، والوصف مشتق من الفعل.

ذهب ابن طلحة إلى أن كلا من المصدر والفعل أصل برأسه، وليس أحدهما

مشتقا من الآخر.

Pendapat yang paling tepat adalah pendapat pertama kerana setiap cabang itu mengandungi asal perkataan dan tambahan huruf, sedangkan *fi'il* dan *wasf*, apabila dibandingkan dengan *masdar* seperti itu juga, kerana *fi'il* dan *wasf* menunjukkan makna *mashdar* serta tambahannya.

Fi'il menunjukkan makna *masdar* beserta masa, dan *wasf* menunjukkan makna *masdar* beserta *fa'il* (pelaku).

Keadaan *Maf'ul mutlaq*

Maf'ul mutlaq berlaku dalam tiga keadaan:

1. *maf'ul mutlaq* sebagai menguatkan makna *fi'il* (kata kerja)
contoh: "saya telah memukul dengan pukulan yang sebenarnya".
2. *maf'ul mutlaq* sebagai menjelaskan jenis perbuatan itu,
contoh: "Saya telah berjalan seperti perjalanan orang yang mempunyai petunjuk".
3. *maf'ul mutlaq* sebagai menjelaskan jenis bilangan perbuatan itu,
contoh: "Saya telah memukul dengan satu pukulan".
"Saya telah memukul sebanyak dua pukulan".
"Saya telah memukul beberapa pukulan".

Perkara yang boleh menggantikan *maf'ul mutlaq*

Masdar itu boleh diganti dengan sesuatu yang menunjukkan kewujudannya seperti lafazh (كل) dan (بعض) yang dimudhafkan kepada *mashdar*,

contoh:

"Bersungguh-sungguhlah dengan segala kesungguhan".

"karena itu, janganlah kalian terlalu cenderung (kepada yang kalian cintai)". (An-Nisaa: 129)

"Saya telah memukulnya dengan sebagian pukulan".

Terkadang *masdar fi'il* diganti oleh *mashdar* yang seerti,

contoh:

"Saya telah duduk dengan sebenar-benar duduk".

"Bergembiralah dengan sebenar-benar kegembiraan".

Perkataan (الجلوس) menggantikan perkataan (القعود) kerana mempunyai makna yang seerti dengannya dan perkataan (الجدل) menggantikan perkataan

(الفرح) kerana mempunyai makna yang seerti dengannya.

الصحيح المذهب الأول؛ لأن كل فرع يتضمن الأصل وزيادة، والفعل والوصف بالنسبة إلى المصدر كذلك لأن كلا منهما يدل على المصدر وزيادة.

فالفعل يدل على المصدر والزمان، والوصف يدل على المصدر والفاعل.

أحوال المفعول المطلق

المفعول المطلق يقع على ثلاثة أحوال كما تقدم:

أحدها : أن يكون مؤكداً، نحو: ضربتُ ضرباً

الثاني: أن يكون مبيناً للنوع، نحو: سرتُ سيراً حسناً.

الثالث: أن يكون مبيناً للعدد، نحو: ضربتُ ضربتين، وضرباً.

ما ينوب عن المفعول المطلق

قد ينوب عن المصدر ما يدل عليه؛ ككل وبعض، مضافين إلى المصدر ،

نحو: جَدَّ كَلَّ الجِدِّ، وقوله تعالى: ﴿فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ المِيلِ﴾ وضربته بعضَ الضربِ.

وكالمصدر المرادف لمصدر الفعل المذكور، نحو: قَعَدْتُ جلوساً، وأفرحَ الجدل،

فالجلوس: نائب مناب القعود لمرادفته له، والجدل: نائب مناب الفرح لمرادفته له،

Nahu STAM

Begitu juga *masdar* boleh digantikan dengan *isim isyarat* contoh: “Saya telah memukulnya dengan pukulan itu”.

Sebagian ulama nahwu berpendapat : apabila *isim isyarat* menggantikan *masdar*, maka *isim isyarat* tersebut perlu disifatkan dengan *masdar* seperti dalam contoh yang kami kemukakan tadi. Namun pendapat ini boleh dipertimbangkan kesahihannya.

Di antara contoh yang diberikan oleh Imam Sibawaih berkaitan dengan masalah ini ialah: “Saya telah menyangka dengan itu”.

Ayat lengkapnya: “Saya telah menyangka dengan sangkaan itu”.

perkataan (ظن) merupakan isyarat yang ditunjukkan kepada (ظن) (sangkaan) tersebut, tetapi *isim isyarat* di sini tidak disifatkan dengannya.

Perkara yang boleh menggantikan *masdar* ialah **dhamir** yang kembali kepada *masdar*,

contoh: (ضربته زيدا)

Ayat lengkapnya: “Saya telah memukul Zaid dengan pukulan itu”.

(لا أعذبه أحدا من العلمين)

Ayat lengkapnya: “yang tidak pernah Aku timpakan azab itu kepada seorang pun di antara umat manusia”, (Al-Maidah: 115)

‘Adad (bilangan) juga boleh mengganti *masdar*-nya,

contoh:

“Saya telah memukulnya dengan 20 pukulan”.

“maka sebatlah mereka (yang menuduh itu) dengan 20 sebatan”. (An-Nur: 4)

Isim alat (peralatan) juga boleh menggantikan *masdar*,

contoh:

“Saya telah memukulnya dengan cemeti”.

Ayat bentuk asalnya:

“Saya telah memukulnya dengan pukulan cemeti”.

Kemudian dibuang *mudhaf*-nya dan digantikan dengan *mudhaf ilaih*.

وكذلك ينوب مناب المصدر اسم الإشارة، نحو: ضربته ذلك الضرب

زعم بعضهم أنه إذا ناب اسم الإشارة مناب المصدر فلا بد من وصفه بالمصدر،
كما مثلنا، وفيه نظر،

من أمثلة سيبويه: ظننتُ ذاك أي: ظننت ذاك الظن، فذاك إشارة إلى الظن، ولم
يوصف به.

ينوب عن المصدر – أيضا – ضميره؛

نحو: ضربته زيدا، أي: ضربت الضرب،

قوله تعالى: ﴿لا أعذبه أحدا من العلمين﴾ أي: لا أعذب العذاب.

و عدده،

نحو: ضربته عشرين ضربة، و قوله تعالى: ﴿فاجلدوهم ثمانين جلدة﴾

و الآلة

نحو: ضربته سوطا، والأصل: ضربته ضرب سوط، فحذف المضاف وأقيم المضاف

إليه مقامه.

Hukum mentathniyah dan menjamakkan *maf'ul mutlak*

Tidak boleh mentathniyahkan mashdar yang menguatkan makna 'amil-nya, dan tidak boleh pula menjamakkannya,

contoh:

“Aku telah memukul dengan pukulan yang sesungguhnya”.

Ini kerana *masdar* tersebut seolah-olah berulang-ulang *fi'il*, sedangkan *fi'il* tidak boleh ditathniyahkan dan tidak boleh juga dijamakkan.

Masdar yang tidak mengandungi makna *taukid*, iaitu *masdar* yang menjelaskan makna bilangan dan jenis perbuatan. Pengarang menyatakan Mashdar jenis ini boleh ditathniyahkan dan dijamakkan.

Masdar yang menjelaskan bilangan, tiada perselisihan pendapat ulama nahwu tentang boleh *tathniyah* dan *jamaknya*

contoh:

“Aku telah memukul dua kali pukulan dan beberapa kali pukulan”.

Masdar yang menjelaskan jenis *fi'ilnya*, pendapat yang masyhur, boleh ditathniyahkan dan dijamakkan apabila jenis-jenisnya berbeza,

contoh:

“Aku berjalan seperti dua cara berjalan Zaid, iaitu berjalan yang baik dan berjalan yang buruk”.

Pada zahir kata-kata Imam Sibawaih menunjukkan bahwa **masdar yang menjelaskan jenis *fi'ilnya*** tidak boleh ditathniyahkan dan dijamakkan secara kaedah kias, tetapi ianya hanya terbatas mengikut kaedah *sima'i*.

Pendapat inilah yang dipilih oleh Syalaubin.

حكم تثنية المفعول المطلق وجمعه

لا يجوز تثنية المصدر المؤكّد لعامله، ولا جمعه، بل يجب إفراده،

نحو: ضربت ضرباً،

وذلك لأنه بمثابة تكرّر الفعل، والفعل لا يثنى ولا يجمع.

وأما غير المؤكّد - وهو المبين للعدد، والنوع - فذكر المصنّف أنه يجوز تثنيته وجمعه

فأما المبين للعدد فلا خلاف في جواز تثنيته وجمعه،

نحو: ضربتين، وضربات.

وأما المبين للنوع؛ فالمشهور أنه يجوز تثنيته وجمعه، إذا اختلفت أنواعه،

نحو: سرّ سيري زيد الحسن والقبیح.

ظاهر كلام سيبويه: أنه لا يجوز تثنيته ولا جمعه قياساً، بل يُقتصر فيه على

السمع،

وهذا اختيار الشلوبين

'Amil maf'ul mutlak dibuang

Masdar yang mempunyai maksud menguatkan kata kerja : tidak boleh dibuang *am* nya kerana ianya diungkapkan untuk menetapkan dan memperkuat 'amil-nya, sedangkan membuangnya akan menghilangkan tujuan tersebut.

Masdar yang selain itu, 'amilnya : harus dibuang apabila ada maksud yang menunjukkannya, dan terkadang wajib dibuang.

Contoh *masdar* yang harus dibuang : “Seperti jalannya Zaid”.

Jawapan bagi pertanyaan: “cara berjalan yang manakah kamu berjalan?”

Contoh: “dua kali pukulan”.

Jawapan bagi pertanyaan: “Berapa kalikah kamu telah memukul Zaid?”

Bentuk ayat lengkap bagi kedua contoh di atas:

“Saya telah berjalan seperti jalannya Zaid”.

“Saya telah memukulnya (dengan) dua pukulan”.

Ulasan anak pengarang (Ibnu Malik) bahawa ungkapan Ibnu Malik: (Membuang 'amil mashdar yang mempunyai maksud menguatkan fi'il adalah tidak dibenarkan) ini merupakan kealpaan dari Ibnu Malik kerana contoh: (ضربا زيدا)

adalah *Masdar muakkad*, sedangkan *amilnya* dibuang wajib dibuang: Ulasan anak pengarang (Ibnu Malik) tersebut adalah tidak benar. Apa yang dijadikan bukti untuk memperkuat dakwaannya itu, iaitu wajib buang 'amil *masdar muakkad*, bukan bersumber dari perkara tersebut.

- Ini kerana contoh (ضربا زيدا) tidak ada kaitannya sama sekali dengan makna menguatkan maksud kata kerjanya, bahkan ianya tiada kaitan langsung dengan menguatkan maksud kata kerjanya,. Dengan kata lain. Contoh tersebut sama kedudukannya dengan contoh: “Pukullah Zaid!”, kerana perkara tersebut sama dengan contoh ini

- Contoh (Pukullah Zaid) tidak mengandungi maksud taukid (menguatkan perbuatan), samalah dengan (ضربا زيدا)

- Begitu juga semua contoh yang diberikan oleh beliau bukan termasuk bab taukid kerana masdar yang ada dalam contoh-contoh tersebut mengganti tempat 'amil serta memberikan maksud yang ada pada 'amilnya.

- **Masdar** mengganti tempat 'amil-nya. ini menunjukkan tidak boleh menggabungkan keduanya, tidak ada muakkad yang melarang menggabungkan masar mu'akkad dan 'amil yang ditaukidkan.

حذف عامل المفعول المطلق

المصدر المؤكد لا يجوز حذف عامله؛ لأنه مسئوق لتقرير عامله وتقويته، والحذف مناف لذلك.

وأما غير المؤكد فيحذف عامله للدلالة عليه: جواز، و وجوبا -

المحذوف جواز، نحو: سير زيد لمن قال: أي سير سرت؟

وضربت لمن قال: كم ضربت زيدا؟

والتقدير: سرت سير زيد، وضربته ضربتين.

قول ابن المصنف: إن قوله : (وحذف عامل المؤكد امتنع) سهو منه؛ لأن قولك:

ضربا زيدا مصدر مؤكد، وعامله محذوف وجوبا، - ليس بصحيح - وما استدل به على دعواه من وجوب حذف عامل المؤكد ليس منه،

وذلك لأن ضربا زيدا ليس من التأكيد في شيء، بل هو أمر خال من التأكيد، بمثابة اضرب زيدا؛ لأنه واقع موقعة؛

فكما أن اضرب زيدا لا تأكيد فيه كذلك : ضربا زيدا. وكذلك جميع الأمثلة التي ذكرها ليست من باب التأكيد في شيء؛ لان المصدر فيها نائب مناب العامل، دال على ما يدل عليه، وهو عوض منه،

ويدل على ذلك عدم جواز الجمع بينهما، ولا شيء من المؤكدات يمتنع الجمع بينها وبين المؤكد.

Nahu STAM

Di antara perkara yang menunjukkan bahwa contoh (ضربا زيدا) dan seumpamanya bukan daripada masdar muakkad : ialah mashdar muakkad tidak ber-'amal – sepakatulamak nahu , tetapi mereka berselisih pendapat tentang mashdar yang menggantikan tempat *fi'il*nya, adakah ia ber-'amal atau tidak?.

Pendapat yang tepat ianya ber-'amal.

perkataan (زيدا) dalam ungkapan (ضربا زيدا) *dinashabkan* dengan perkataan (ضربا) . Ini mengikut pendapat yang paling tepat.

Pendapat lainnya mengatakan perkataan (زيدا) *dinashabkan* dengan *fi'il* yang dibuang (tidak disebutkan), iaitu perkataan (اضرب) (pukullah).

